


TIDAK BOLEH DIFOTOSTAT

HB615 .T43 .1995



0000041720



DAFTAR KANDUNGAN

KANDUNGAN

Muka Surat

• Surat Permohonan.....	i
• Penghargaan.....	ii - iii
• Sinopsis.....	iv
• Pengenalan.....	1
• Tujuan.....	2
• Latar Belakang Syarikat.....	3
• Latar Belakang Pengurus.....	4 - 8
• Latar Belakang Projek Cadangan.....	9 - 10
• Rancangan Pemasaran.....	11 - 33
• Rancangan Pengeluaran/Operasi.....	34 - 46
• Rancangan Organisasi.....	47 - 57
• Rancangan Kewangan.....	58 - 75
• Rumusan.....	76
• Lampiran.....	77

Q S

Diploma Perakaunan
Bahagian 05
Institut Teknologi Mara
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

20hb Mei 1995

Encik Matyasin Jamil
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300)
Institut Teknologi Mara
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Tuan,

RANCANGAN PERNIAGAAN

Merujuk kepada perkara diatas, kami dengan segala hormatnya menyerahkan satu laporan Rancangan Perniagaan untuk memulakan satu perniagaan secara Sendirian Berhad.

Kami telah menyediakan satu projek perniagaan dalam bidang hiburan yang mana syarikat kami diberikan nama Teater 3.

Segala aspek seperti latar belakang perniagaan, pemasaran, operasi dan kewangan terkandung di dalam Rancangan Perniagaan ini. Kami berharap ianya akan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

Sekian untuk pertimbangan Tuan selanjutnya, terima kasih.

Yang benar,

SUZANA MOHD HULAIMI
Pengurus Besar
Teater 3 Taman Tun Dr. Ismail Sdn. Bhd.

SINOPSIS

Panggung Wayang adalah satu jenis perniagaan yang berbentuk hiburan yang akan memberi kepuasan kepada setiap pelanggan. Namun begitu tidak banyak kaum bumiputera yang menceburi bidang perniagaan ini.

Lokasi perniagaan kami terletak di kawasan strategik iaitu di kawasan perumahan dan kompleks membeli-belah. Oleh sebab itu ia mempunyai daya maju yang tinggi. Perniagaan ini juga mempunyai potensi untuk berkembang memandangkan di kawasan perniagaan ini belum ada panggung wayang.

Disini kami telah membuat andaian bahawa keuntungan yang akan kami terima adalah memuaskan memandangkan persaingan yang kurang dan lokasi yang strategik dimana terdapat banyak pelanggan yang ramai.

Sikap yang positif, disiplin, jujur dan amanah akan menjadi amalan kami dalam menjalankan perniagaan ini. Dengan ini kami berharap semoga penglibatan kami dengan perniagaan ini akan mendapat sokongan dari semua pihak.

Sekian, terima kasih.

1.0. PENGENALAN

Teater Tiga merupakan sebuah perniagaan berbentuk francais yang dikendalikan oleh seorang Pengurus Besar, Pengurus Pemasaran, Pengurus Operasi, Pengurus Pentadbiran dan Pengurus Kewangan :

Teater Tiga juga telah disokong penuh oleh anak syarikat Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3). Ianya merupakan satu rangkaian pawagam era baru khas untuk menghiburkan peminat-peminat filem melayu dan Inggeris yang terkini dan bermutu tinggi. Pawagam ini menggunakan teknologi audio-visual yang canggih dalam suasana yang moden dan selesa.

Operasi utama perniagaan ini adalah memberi perkhidmatan berbentuk hiburan kepada pelanggan-pelanggannya. Lokasi perniagaan ini terletak di kawasan Taman Tun Dr. Ismail dimana berhampiran dengan kawasan perumahan dan pusat membeli belah. Pelanggan sasaran kami bukan hanya terdiri daripada penduduk disekitar Taman Tun Dr. Ismail tetapi juga meliputi penduduk-penduduk di kawasan yang berhampiran seperti Damansara dan Petaling Jaya.

Perniagaan ini dipilih berdasarkan kepada prospek yang cerah membolehkannya terus berkembang di kawasan sasaran. Ketiadaan pesaing dikawasan ini akan memberi peluang yang lebih luas bagi syarikat kami memajukan lagi perniagaan kami. Penglibatan kami sebagai bumiputera yang jarang melibatkan diri dalam perniagaan ini akan memberi saingan kepada peniaga-peniaga bangsa lain. Target pelanggan-pelanggan kami terdiri dari bumiputera yang meminati filem melayu dan inggeris semestinya akan memberi sokongan kepada peniaga-peniaga bumiputera seperti kami.

Justeru itu kami yakin Teater Tiga akan dapat berkembang dengan majunya sejajar dengan pembangunan ekonomi negara.

3.0 LATAR BELAKANG SYARIKAT

- 3.1. Nama Syarikat : Teater 3 Sdn.Bhd.
- 3.2. Alamat Syarikat : 14/A Jalan Tun Mohd Fuad,
Taman Tun Dr. Ismail
60000 KUALA LUMPUR
- 3.3. Alamat Surat- Menyurat : No 5 Jalan Athinahapan 3
Taman Tun Dr. Ismail
60000 KUALA LUMPUR
- 3.4. No Telefon (Sementara) : 03-7170167
- 3.5. Bentuk Syarikat : Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.)
- 3.6. Kegiatan Utama : Penayangan Filem
- 3.7. Tarikh Permulaan Perniagaan : 1 Januari 1996
- 3.8. Tarikh Pendaftaran : Belum ditentukan
- 3.9. Nombor Pendaftaran : Belum ada
- 3.10. Modal Permulaan : RM140 000.00

3.11 Nama dan Alamat Pemegang Saham

Nama	Sumbangan Modal (RM)	Saham	Jawatan Dalam Syarikat
1.Suzana bt. Mohd Hulaimi	28 000	20%	Pengurus Besar
2.Wan Shariah Wan Mohd Radzi	28 000	20%	Pengurus Pemasaran
3.Rozita binti Haji Daud	28 000	20%	Pengurus Operasi
4.Zailin	28 000	20%	Pengurus Pentadbiran
5.Norhayati Husin	28 000	20%	Pengurus Kewangan